



**UNTUK SIARAN SEGERA**

## **KENYATAAN MEDIA**

### **MBI SELANGOR LANTIK CEO BAHARU**

SHAH ALAM, 8 FEBRUARI 2024 (KHAMIS) – Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI Selangor melantik Ts. Saipolyazan M Yusop sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) baharu, bermula hari ini.

Beliau menggantikan Puan Hajah Norita Mohd Sidek, yang bersara dan telah menerajui MBI Selangor sejak tahun 2020. Ahli Lembaga Pengarah, barisan pengurusan syarikat dan warga kerja MBI Selangor mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan atas komitmen, jasa dan bakti yang dicurahkan Puan Hajah Norita.

MBI Selangor mengalu-alukan kedatangan Ts. Saipolyazan sebagai CEO baharu dan yakin dengan kredibiliti dan pengalaman lebih 30 tahun merentasi pelbagai industri dan geografi dapat meletakkan syarikat ke tahap yang lebih tinggi.

Ts. Saipolyazan pernah menyandang jawatan penting di beberapa syarikat dan GLC dalam dan luar negeri termasuklah PETRONAS, Telekom Malaysia, Celcom Axiata Berhad serta di sebuah konglomerat pembinaan terkemuka di Timur Tengah. Keperibadian dan kepimpinan beliau terserlah apabila dilantik sebagai CEO di Lembaga Zakat Selangor dan Executive Jet Aviation Sdn Bhd. Jawatan terakhir beliau ialah Ketua Pegawai Operasi MBI Selangor.

Dato' Menteri Besar Selangor, YAB Dato' Seri Amirudin Shari, selaku Pengerusi MBI Selangor dalam Majlis Serah Tugas yang telah disempurnakan pada 7 Februari 2024 meyakini kepakaran dan kepimpinan dinamik Ts. Saipolyazan akan menjadi elemen nilai tambah kepada MBI dalam fasa-fasa transformasi tahun mendatang.



**#KitaSelangor**

**MENTERI BESAR SELANGOR (PEMERBADANAN)**

Tingkat 23, Bangunan Darul Ehsan, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor, Malaysia.

☎ 03 5513 8898

☎ 603 5510 0759

✉ corp\_comm@mbiselangor.com.my

🌐 www.mbiselangor.com





Dengan rekod cemerlang Ts. Saipolyazan dalam pelbagai sektor, Dato' Menteri Besar turut meyakini kolaborasi dan sinergi MBI dengan Kerajaan Negeri dapat dipacu ke tahap terbaik demi merealisasikan agenda pembangunan mampan negeri Selangor.

MBI turut merakamkan setinggi-tinggi apresiasi atas khidmat bakti Puan Hajah Norita sepanjang lebih 3 tahun perkhidmatan beliau selaku CEO MBI. Di bawah kepemimpinan beliau, MBI telah melalui fasa pengukuhan tadbir urus dan tatakelola ke tahap terbaik melalui pelbagai inisiatif yang telah dicetuskan.

-Tamat-

### **MBI Selangor:**

Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) telah ditubuhkan di bawah Enakmen Menteri Besar Selangor [Enakmen No: 3 1994] pada 21 September 1994. MBI Selangor berperanan sebagai sebuah badan korporat yang telah ditubuhkan khas untuk mentadbir pengurusan aset dan pelaburan milik Kerajaan Negeri Selangor serta mewakili kerajaan negeri dalam melaksanakan aktiviti berunsur perniagaan yang di luar bidang kuasa pihak kerajaan negeri. MBI Selangor juga berperanan mempromosi dan mendokong usaha pembangunan Kerajaan Negeri Selangor di samping melunaskan kewajipan tanggungjawab sosial kepada masyarakat.

### **Pertanyaan Media:**

Ahmad Azri Zainal Nor

Ketua, Tanggungjawab Sosial & Komunikasi Korporat

[azri@mbiselangor.com.my](mailto:azri@mbiselangor.com.my)

+60 13-391 9710



**#KitaSelangor**

☎ 03 5513 8898



☎ 603 5510 0759



✉ corp\_comm@mbiselangor.com.my



🌐 www.mbiselangor.com

**MENTERI BESAR SELANGOR (PEMERBADANAN)**

Tingkat 23, Bangunan Darul Ehsan, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor, Malaysia.

